

**D.R. 7/2016**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen (2)—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Land Administrator” takrif yang berikut:

‘ “lot” has the meaning assigned to it under the National Land Code [*Act 56 of 1965*] and includes any interim identification number allotted by Land Office pending the completion of final survey of any land held under qualified title, as the case may be;’; dan

- (b) dalam takrif “scheduled land”, dengan memasukkan selepas perkataan “land or lands” perkataan “including parcel or provisional block”.

### **Pindaan seksyen 3**

3. Perenggan 3(3)(c) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “Government”.

### **Pindaan seksyen 3c**

4. Subperenggan 3c(2)(b)(ii) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “the Under Secretary of the Federal Territory Development and Klang Valley Planning Division, Prime Minister’s Department” dengan perkataan “a representative from the Ministry or agency responsible for the Federal Territory”.

### **Pindaan seksyen 3F**

5. Seksyen 3F Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Withdrawal from**” perkataan “**the application of**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “withdraw from the” perkataan “application of”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “withdraws from any” perkataan “application of”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “conduct an enquiry to determine the amount of deposit to be forfeited for the payment of compensation to the persons interested” dengan perkataan “forfeit the amount of deposit as prescribed in the rules”; dan
- (d) dengan memotong subseksyen (3).

### Pindaan seksyen 7

#### 6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Where the acquisition of part of the land refers to underground land, the plan referred to in paragraph (1)(a) shall also describe the extent and area of the underground land to be acquired.”.

### Pindaan seksyen 8

#### 7. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**required for a public purpose**” dengan perkataan “**needed under section 3**”; dan
- (b) dalam subsekyen (2), dengan menggantikan perkataan “paragraph 7(b)” dengan perkataan “paragraph 7(1)(b)”.

### Pindaan seksyen 9

#### 8. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b), dengan memotong perkataan “or (3)”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) where the scheduled land is held by registered title—

- (i) on the register document of title; and
- (ii) in the case of land with subdivided building or land, on the relevant strata register under section 4 of the Strata Titles Act 1985 [Act 318]; or”.

**Pindaan seksyen 9A****9. Seksyen 9A Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “the State Director of Town and Country Planning” perkataan “or from any local planning authority.”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) The State Director of Town and Country Planning or the local planning authority, upon receiving the request for information under subsection (1) shall provide the information required within two weeks from the request being made by the Land Administrator.”;

(c) dengan memotong subseksyen (3) dan (4);

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) The information obtained under subsection (5) shall be disregarded if the acquisition is made under section 37 of the Town and Country Planning Act 1976.”;

(e) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “subsections (3) and (4)” dengan perkataan “subsection (2)”; dan

(f) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “(4)” dengan perkataan “(2)”.

**Pindaan seksyen 12****10. Seksyen 12 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:**

“(4) The Land Administrator shall record all the evidence during the enquiry.”.

## **Pindaan seksyen 14**

### **11. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “under his hand”; dan
- (b) dalam subseksyen (5)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “The Land Administrator” dengan perkataan “In addition to the award made under subsection 14(1), the Land Administrator”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “imposed by the valuer” dengan perkataan “prescribed by rules”.

## **Seksyen baharu 19A**

### **12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:**

#### **“Enquiry and award by the Land Administrator pursuant to Certificate of Urgency**

**19A.** (1) Notwithstanding that possession of the land has been taken pursuant to a Certificate of Urgency issued under section 19, the Land Administrator shall continue to make full enquiry and make an award in accordance with the provisions of this Act.

(2) Where the possession of the land has been taken under section 19, subsection 8(4) shall not be applicable if the Land Administrator has not made an award under subsection 14(1) within the said period of two years.”.

## **Pindaan seksyen 21**

### **13. Perenggan 21(2)(a) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “competent”.**

**Pindaan seksyen 22****14.** Subseksyen 22(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; and”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) the statutory body, person or corporation referred to in paragraph 23(a), and the management corporation in respect of a subdivided building or land.”.

**Pindaan seksyen 23****15.** Seksyen 23 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “or (3)”; dan
- (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “parcel of a subdivided building, in the” dengan perkataan “parcel of a subdivided building or land, in the statutory body,”.

**Pindaan seksyen 26****16.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 26(3) subseksyen yang berikut:

“(4) Where part of a subdivided building or land is acquired under this Act, the proper registering authority shall take necessary action in accordance with the Strata Titles Act 1985.”.

### **Pindaan seksyen 28**

#### **17. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) For the purpose of subsection (1), the difference specified shall not exceed one quarter of a hectare or one percentum of the area of scheduled land as published in the *Gazette* under subsection 8(1), whichever is the greater, and such difference shall not be necessary for any further declaration to be made and published.”.

### **Pindaan seksyen 29**

#### **18. Subseksyen 29(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Form H” perkataan “, Form LC or Form R”.**

### **Pindaan seksyen 29A**

#### **19. Seksyen 29A Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “any scheduled land” perkataan “or compensation in Part VII”;
- (b) dalam perenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “Form H” perkataan “, Form LC or Form R”; dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “eight” dengan perkataan “five”.

### **Pindaan seksyen 31**

#### **20. Seksyen 31 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “in any scheduled land” perkataan “or under Part VII”.**

**Pindaan seksyen 32****21.** Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “eight” dengan perkataan “five”;
- (b) dalam subseksyen (1B), dengan menggantikan perkataan “eight” dengan perkataan “five”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (1c) dengan subseksyen yang berikut:

“(1c) In this section “due date” in relation to any land means—

- (a) the date of taking possession of the land or a date three months after the service of a notice in Form H referred to in subsection 16(1) in respect of the land, whichever is the earlier; or
  - (b) a date three months after the service of a notice in Form LC referred to in paragraph 35(2)(c) or Form R referred to in subsection 58(1) or section 59.”; dan
- (d) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “eight” dengan perkataan “five”.

**Pindaan seksyen 32A****22.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 32A dengan seksyen yang berikut:

“**32A.** For the purposes of sections 29A, 32 and 48, “payment” is deemed to have been made—

- (a) on the day as notified in writing by the Land Administrator that the payment is available for collection by the person interested;

- (b) on the day the payment is sent by registered post to the person interested;
- (c) on the day of the delivery of the payment by the Land Administrator to the Court;
- (d) on the day the payment is received by the person interested; or
- (e) on the day the payment is transmitted electronically to the account of the person interested.”.

### **Pindaan seksyen 35**

#### **23. Seksyen 35 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) A notification in Form LA shall be published in the *Gazette* and all proceedings already taken or being taken in consequence of the declaration in subsection 8(1) in respect of the land shall cease to have effect.”;

- (b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “the Land Administrator” perkataan “, after notifying the person interested in Form LB”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “and” selepas perkataan “the person injured;”;
- (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; and”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) prepare and serve on each person interested a notice in Form LC.”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) For the purpose of this section, subsection 14(5) shall be applicable if necessary.”; dan

(d) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “or (3)”.

### **Pindaan seksyen 36**

**24.** Subseksyen 36(4) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “section 14” perkataan “or compensation made under section 35 or Part VII”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “to such award” perkataan “or compensation”.

### **Pindaan seksyen 37**

**25.** Seksyen 37 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “section 10 or 11” perkataan “or any person interested pursuant to any compensation made under section 35 or Part VII who”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memotong perkataan “in respect of any interest in any scheduled land”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “three thousand ringgit” dengan perkataan “five thousand ringgit”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Where the total amount of any award in respect of any scheduled land exceeds fifteen thousand ringgit” dengan perkataan “Where the total amount of any award exceeds thirty thousand ringgit.”;
- (ii) dengan memotong perkataan “undertaking a work which in the opinion of the State Authority is of public utility, and”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “pursuant to section 3” dengan perkataan “or being occupied or used pursuant to Part VII”; dan
- (iv) dengan memotong perkataan “in any scheduled land under subsection (1).”.

### **Pindaan seksyen 38**

**26.** Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “, and a copy thereof shall be forwarded by the Land Administrator to the Registrar of the Court”; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “the Land Administrator’s award under section 14” perkataan “or compensation made under section 35 or Part VII”; dan
- (ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) in other cases, within six weeks of the receipt of the notice from the Land Administrator under section 16, paragraph 35(2)(c), subsection 58(1) or section 59 or within six months from the date of the Land Administrator’s award under sections 14, 35 or Part VII, whichever period shall first expire.”.

**Pindaan seksyen 40B**

27. Subseksyen 40B(5) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “who is not a valuation officer employed by the Government”.

**Pindaan seksyen 43**

28. Seksyen 43 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Form P” dengan perkataan “writing”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “pursuant to section 3”.

**Pindaan seksyen 48**

29. Seksyen 48 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “shall” dengan perkataan “to”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “eight” dengan perkataan “five”.

**Pindaan seksyen 49**

30. Subseksyen 49(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “pursuant to section 3”.

**Pindaan seksyen 51**

31. Perenggan 51(1)(c) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “made pursuant to any notice under section 10 or 11”.

**Pindaan seksyen 52**

32. Seksyen 52 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mukim or township” dengan perkataan “town, village or mukim”.

**Pindaan seksyen 53**

**33.** Subseksyen 53(3) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “of any scheduled land”.

**Pindaan seksyen 55**

**34.** Seksyen 55 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(a)—

(i) dengan memotong perkataan “in any scheduled land”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “pursuant to section 3”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “A certificate under the hand of the State Secretary” dengan perkataan “Any document”.

**Pindaan seksyen 57**

**35.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 57 dengan seksyen yang berikut:

“**57.** (1) Whenever it appears to the State Authority that the temporary occupation or use of any land is needed—

(a) for any purpose specified in subsection 3(1);

(b) in order to carry out public works on any land; or

(c) as indicated in a development plan under the law applicable to it relating to town and country planning,

the State Authority may direct the Land Administrator to procure the occupation or use of any such land for such term as he shall think fit, not exceeding three years from the date of commencement of such occupation or use, in the manner prescribed by this Part.

(2) The Land Administrator or other registering authority shall make a note of any temporary occupation or use of land as specified under paragraphs 9(2)(a) and (b).”.

**Pindaan seksyen 58****36. Seksyen 58 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “shall make such offer of compensation” perkataan “in Form R”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Prior to making an offer for compensation under subsection (1), the Land Administrator may obtain a written opinion on the value of the land from a valuer.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) In making any assessment of compensation under subsection (3), the Land Administrator may, whether by way of full or partial substitution for monetary compensation, enter into any arrangement with a person having an interest in such land in such a way as may be equitable, having regard to the interests of the parties concerned.

(5) Whenever the Land Administrator enters into any arrangement under subsection (4), he shall make an entry of the particulars thereof in the appropriate register.

(6) All the evidence during the enquiry and the amount of compensation offered shall be recorded by the Land Administrator.

(7) Nothing in this section shall prevent the State Authority to occupy or use the land if the person interested is not agreeable to the compensation offered pursuant to subsection (1).

(8) For the purpose of this section, subsection 14(5) shall be applicable if necessary.”.

**Pindaan seksyen 59**

37. Seksyen 59 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “referred to in section 57” perkataan “, the Land Administrator shall make an enquiry to ensure that”.

**Pindaan seksyen 60**

38. Seksyen 60 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Where the Land Administrator is unable to agree with the persons interested on the amount of compensation” dengan perkataan “Where the person interested is unable to agree on the amount of compensation offered by the Land Administrator”.

**Pindaan seksyen 65**

39. Seksyen 65 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pursuant to section 3” perkataan “or Part VII”.

**Pindaan seksyen 66**

40. Seksyen 66 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “a subdivided building, in the person” dengan perkataan “a subdivided building or land, in the person, statutory body”.

**Pindaan seksyen 69**

41. Seksyen 69 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) prescribe any Form in the Second Schedule in electronic form;” dan

(b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “the application for acquisition of land under paragraph 3(1)(b) or (c)” dengan perkataan “any matter under this Act”.

**Pindaan Jadual Pertama****42. Jadual Pertama Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “[Sections 12, 35, 46 and 47]” dengan perkataan “[Sections 12, 35 and 47]”; dan
- (b) dalam subperenggan (1)(2D), dengan menggantikan perkataan “within the meaning of section 214A of the National Land Code [Act 56 of 1965], the market value shall not in any way be affected by the fact that it can be sold to one person” dengan perkataan “, the market value of such land shall be determined taking into consideration section 214A of the National Land Code”.

**Kecualian dan peralihan**

**43.** Semua prosiding, tindakan atau perkara lain yang dikehendaki dijalankan di bawah seksyen 3F dan 28, subseksyen 37(2) dan (3) Akta ibu yang masih belum selesai atau sedang dalam tindakan, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diteruskan atau diselesaikan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 (“Akta 486”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta dan untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 486 dengan memasukkan takrif baharu ke dalam Akta 486 dan memperluas takrif sedia ada untuk menjelaskan pelaksanaan pengambilan bangunan yang dipecah bahagi.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 3(3)(c) Akta 486 untuk membolehkan laporan penilaian awal penilai Kerajaan atau swasta disertakan bersama permohonan di bawah perenggan 3(1)(b) atau (c) Akta 486.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subperenggan 3C(2)(b)(ii) Akta 486 untuk menggantikan keahlian dalam Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah di peringkat Wilayah Persekutuan daripada Setiausaha Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang, Jabatan Perdana Menteri kepada wakil daripada Kementerian atau agensi yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 3F Akta 486 untuk menyelaraskan prosedur penarikan balik permohonan pengambilan sebelum pewartaan di bawah seksyen 8 Akta 486. Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan Pentadbir Tanah merampas deposit yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah jika pemohon menarik balik permohonan di bawah subseksyen 3F(1) Akta 486 atau jika pemohon dianggap telah menarik balik permohonan di bawah subseksyen 3E(4) Akta 486.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 486 dengan memasukkan subseksyen baharu 7(2) ke dalam Akta 486 yang memperuntukkan bahawa apabila pengambilan sebahagian daripada tanah merujuk kepada tanah bawah tanah, suatu pelan yang memperihalkan keluasan dan kedalaman kawasan tanah bawah tanah yang hendak diambil hendaklah disediakan oleh Pentadbir Tanah.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(2) Akta 486 untuk membenarkan catatan pengambilan diendorskan atas dokumen hak milik yang melibatkan pengambilan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi.
9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 9A(1) dan (2) Akta 486 untuk membolehkan maklumat tentang penggunaan tanah diperoleh daripada pihak berkuasa perancang tempatan tanpa perlu melalui Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri. Subseksyen 9(5A) baharu yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Akta 486 untuk menjelaskan bahawa maklumat mengenai penggunaan tanah tidak diperlukan jika pengambilan dilaksanakan mengikut seksyen 37 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].
10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 486 dengan memasukkan subseksyen baharu 12(4) ke dalam Akta 486 yang menghendaki Pentadbir Tanah merekodkan semua keterangan yang diperoleh semasa siasatan.
11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 486 dengan memotong perkataan “*under his hand*” untuk menunjukkan cara yang digunakan pada masa ini. Pindaan yang dicadangkan ini juga memperuntukkan bahawa fi penilai yang kena dibayar ditetapkan melalui kaedah-kaedah di bawah Akta ini.
12. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A ke dalam Akta 486 yang menghendaki Pentadbir Tanah untuk menjalankan siasatan dan membuat award selepas Sijil Perakuan Segera dikeluarkan.
13. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(3) Akta 486 dengan memasukkan perenggan baharu 22(3)(c) ke dalam Akta 486 yang menghendaki Pentadbir Tanah untuk menyampaikan suatu salinan notis dalam Borang K kepada pihak berkepentingan apabila melibatkan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 486 dengan memasukkan subseksyen baharu 26(4) ke dalam Akta 486 bagi membolehkan Pentadbir Tanah atau pihak berkuasa pendaftaran mengambil tindakan yang perlu mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*] jika ia melibatkan pengambilan sebahagian daripada tanah bangunan atau tanah yang dipecah bahagi.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 486 dengan memasukkan subseksyen baharu 28(2) ke dalam Akta 486 bagi menjelaskan bahawa apabila terdapat perbezaan antara jumlah keluasan tanah yang diambil dengan tanah yang terjadual (yang tidak kurang daripada suku hektar atau satu peratus daripada keluasan tanah yang disiarkan dalam *Warta*), perbezaan tersebut boleh diawardkan tanpa perlu menyiarkan semula perbezaan itu di bawah seksyen 8 Akta 486.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 29A Akta 486 untuk membolehkan Pentadbir Tanah membayar tujuh puluh lima peratus daripada jumlah apa-apa award atau pampasan yang melebihi lima belas ribu ringgit sementara menanggungkan baki dua puluh lima peratus award atau pampasan itu sementara menunggu penentuan mahkamah. Pindaan yang dicadangkan juga akan membolehkan kadar caj bayaran lewat dikurangkan mengikut kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah.

17. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 32(1) dan (1B) Akta 486 untuk mengurangkan kadar caj bayaran lewat mengikut kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah. Subseksyen 32(1C) Akta 486 pula dipinda untuk memperjelas maksud tarikh matang.

18. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 32A Akta 486 dengan menggantikan seksyen yang sedia ada untuk menunjukkan amalan pembayaran semasa yang digunakan.

19. *Fasal 23* bertujuan untuk memperkemas prosedur berhubung penarikan balik pengambilan tanah di bawah seksyen 35 Akta 486.

20. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda subseksyen 36(4) Akta 486 untuk membolehkan orang berkepentingan untuk membuat bantahan berkaitan dengan pampasan yang dibuat di bawah seksyen 14, 35 atau Bahagian VII ke mahkamah mengikut prosedur yang dinyatakan di bawah Akta ini.

21. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 486 untuk menaikkan had pampasan untuk tujuan rayuan ke mahkamah di bawah seksyen 37 dan untuk membenarkan agensi pengambilan membuat bantahan ke mahkamah bagi apa-apa maksud pengambilan. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk membolehkan orang berkepentingan untuk membuat bantahan mengenai pampasan yang dibuat di bawah peruntukan 35 atau Bahagian VII ke mahkamah mengikut prosedur yang dinyatakan di bawah Akta 486. Bagi tujuan ini, mana-mana Kerajaan, orang atau perbadanan yang dianggap sebagai orang berkepentingan boleh membuat bantahan berhubung dengan Bahagian VII.

22. *Fasal 26* bertujuan untuk memotong subseksyen 38(1) Akta 486 berhubung dengan keperluan untuk mengemukakan salinan Borang N ke mahkamah. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan tempoh masa untuk membolehkan bantahan dibuat ke mahkamah susulan kepada award atau pampasan yang dibuat di bawah seksyen 14, 35 atau Bahagian VII.

23. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda subseksyen 40B(5) Akta 486 untuk membenarkan penilai kerajaan untuk menerima fi sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

24. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 486 untuk membolehkan mahkamah untuk mengeluarkan notis pendengaran bertulis yang menghendaki kehadiran pihak sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 43(a) hingga (d) Akta 486.

25. *Fasal 29* bertujuan untuk menjelaskan seksyen 48 Akta 486 bahawa caj bayaran lewat hanya perlu dibayar jika diperintahkan oleh mahkamah dan untuk mengurangkan kadar caj bayaran lewat mengikut kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah.

26. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 486 untuk menjelaskan bahawa rayuan boleh dibuat berhubung dengan pengambilan di bawah seksyen 3 dan Bahagian VII Akta 486.

27. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 486 bagi menggunakan istilah yang sama seperti dalam Kanun Tanah Negara.

28. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 486 untuk menjelaskan peruntukan berhubung dengan pendudukan atau penggunaan sementara tanah. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperluas faktor yang membolehkan peruntukan ini digunakan dan mengadakan keperluan untuk mengendorskan catatan mengenai pendudukan dan penggunaan sementara tanah atas dokumen hakmilik atau apa-apa dokumen lain yang dinyatakan di bawah subperenggan 57(9)(2)(a) dan (b) Akta 486.

29. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 486 untuk membolehkan Pentadbir Tanah mendapatkan pandangan penilai apabila membuat tawaran untuk pampasan, memasuki dan merekodkan apa-apa perkiraan bagi tujuan menggantikan pampasan dalam bentuk kewangan, dan merekodkan semua keterangan semasa siasatan. Pindaan yang dicadangkan juga akan membolehkan Pihak Berkuasa Negeri menduduki sementara tanah walaupun tuan tanah tidak bersetuju dengan pampasan yang diberikan.

30. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda seksyen 59 Akta 486 bagi membolehkan siasatan dibuat oleh Pentadbir Tanah untuk tujuan penentuan pampasan setelah tamat tempoh pendudukan atau penggunaan tanah.

31. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 486 untuk membolehkan bantahan oleh pihak berkepentingan yang tidak berpuas hati dengan pampasan yang ditawarkan oleh Pentadbir Tanah.

32. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 69 Akta 486 untuk membenarkan kaedah-kaedah dibuat berhubung apa-apa borang, fi atau deposit yang hendak dikenakan berhubung apa-apa perkara berkaitan dalam Akta 486. Pindaan yang dicadangkan akan memberi Menteri kuasa am untuk membuat kaedah-kaedah berkaitan perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah Akta 486.

33. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 486 bagi maksud penyelarasan dan mengambil kira keperluan seksyen 214A Kanun Tanah Negara dalam menilai nilai pasaran tanah ladang.

34. *Fasal 43* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

35. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3016]